

Abu 'Ubaidah bin al-Haarits. (Di pihak orang-orang kafir pula) Syaibah bin Rabi'ah, 'Utbah bin Rabi'ah dan al-Walid bin 'Utbah.⁵⁸

bawah bab ini menunjukkan keharusannya. Hasan al-Bashri berpendapat ia tidak harus. Imam Malik, al-Auzaa'i, Sufyan ats-Tsauri, Ahmad dan Ishaq berpendapat ia harus dengan kebenaran imam (ketua negara) atau panglima perang. Tidak harus tanpa kebenaran mereka. Hadits-hadits di atas merupakan sandaran dan pegangan mereka dalam perkara ini.

⁵⁷ 'Ubaidah sepuluh tahun lebih tua dari Rasulullah s.a.w. Beliau memeluk agama Islam di peringkat awal ketika Rasulullah s.a.w. belum lagi masuk ke Dar al-Arqam. Beliau adalah salah seorang sahabat yang telah berhijrah ke Madinah. Meninggal dunia ketika berumur enam puluh tiga tahun. Setelah terkena tetapan yang kuat di lututnya dalam mubarazah di Badar, beliau di bawa pulang ke Madinah. Dalam perjalanan pulang ke Madinah itu, apabila sampai ke Shafraa' beliau menghembuskan nafas terakhirnya. Di Shafraa' itu jugalah beliau dikebumikan.

⁵⁸ Enam orang yang tersebut di dalam hadits ini dan hadits-hadits selepasnya adalah daripada keturunan yang sama. Mereka semua dari keturunan 'Abdi Manaf. (1) Hamzah bin 'Abdil Mutthalib bin Hasyim bin 'Abdi Manaf. (2) 'Ubaidah bin al-Haarits bin al-Mutthalib bin 'Abdi Manaf. (3) 'Ali bin Abi Thaalib bin 'Abdil Mutthalib bin Hasyim bin 'Abdi Manaf. (4) 'Utbah bin Rabi'ah bin 'Abdi Syams bin 'Abdi Manaf. (5) Syaibah (saudara 'Utbah) bin Rabi'ah bin 'Abdi Syams bin 'Abdi Manaf. (6) Al-Walid bin 'Utbah bin Rabi'ah bin 'Abdi Syams bin 'Abdi Manaf. **Para 'ulama' tafsir berbeda** pendapat tentang sebab turun ayat: هَٰذَا نِ خَصْمَانِ اخْتَصَمُوا فِي رَبِّهِمْ (al-Hajj: 19). Qataadah mengatakan ia turun berkenaan dengan perbantahan yang berlaku di antara Ahli Kitab dan orang-orang Islam. Kata Ahli Kitab nabi kami datang sebelum nabi kamu. Kitab kami diturunkan sebelum kitab kamu. Oleh itu kamilah yang lebih utama di sisi Allah berbanding kamu. Orang-orang Islam pula berkata, kitab suci yang diturunkan untuk kami membatalkan segala kitab yang datang sebelumnya. Nabi kami pula adalah penyudah sekalian nabi. Oleh itu kamilah yang lebih utama di sisi Allah berbanding kamu. Maka Allah menurunkan ayat ini. Menurut Mujahid, ayat ini sebenarnya merupakan perbandingan yang dibuat Allah untuk orang-orang kafir dan orang-orang Islam yang berbantah tentang kebangkitan manusia sesudah mati. Pendapat Mujahid boleh mencakupi semua perkara yang diperselisihkan di antara dua golongan manusia itu. Termasuklah apa-apa yang telah berlaku dalam peristiwa Badar dan lain-lain. Pada hakikatnya orang-orang Islam hendak membela agama Allah. Orang-orang kafir pula hendak memadamkan cahaya Islam. Dengan menurunkan ayat ini Allah membenarkan pegangan dan tindakan orang-orang mu'min dan menyalahkan pegangan dan tindakan orang-orang kafir. Malah Allah mengancam orang-orang kafir melalui ayat tersebut dan tiga ayat selepasnya. Lihatlah di bawah ini ayat-ayat berkenaan selengkapnya:

هَٰذَا نِ خَصْمَانِ اخْتَصَمُوا فِي رَبِّهِمْ ۖ فَالَّذِينَ كَفَرُوا قُطِعَتْ لَهُمْ نِيَابٌ مِّن نَّارٍ يُصَبُّ مِنْ فَوْقِ رُءُوسِهِمُ الْحَمِيمُ ﴿١٩﴾ يُصْهِرُ بِهِ مَا فِي

بُطُونِهِمْ وَالْجُلُودُ ﴿٢٠﴾ وَلَهُمْ مَقَمِعٌ مِّنْ حَدِيدٍ ﴿٢١﴾ كُلَّمَا أَرَادُوا أَن يَخْرُجُوا مِنْهَا مِنْ غَمٍّ أُعِيدُوا فِيهَا وَذُوقُوا عَذَابَ الْحَرِيقِ ﴿٢٢﴾

Bermaksud: Inilah dua golongan (golongan mukmin dan golongan kafir) yang bertengkar, mereka saling bertengkar mengenai Tuhan mereka. Maka orang kafir akan dibuatkan untuk mereka pakaian-pakaian dari api neraka. Dicurahkan air yang sedang mendidih ke atas kepala mereka. (19). Dengan air itu dihancur luluhkan segala apa yang ada dalam perut mereka dan juga kulit

٣٩٦٦ - حَدَّثَنَا قَبِيصَةُ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ أَبِي هَاشِمٍ عَنْ أَبِي جَحْزٍ عَنْ قَيْسِ بْنِ عُبَادٍ عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ نَزَلَتْ

هَذَانِ خَصْمَانِ اخْتَصَمُوا فِي رَبِّهِمْ فِي سِتَّةٍ مِنْ قُرَيْشٍ عَلِيٌّ وَحَمْزَةُ وَعُبَيْدَةُ بْنُ الْحَارِثِ وَشَيْبَةُ بْنُ رَبِيعَةَ وَعُتْبَةُ بْنُ رَبِيعَةَ وَالْوَلِيدُ بْنُ

عُتْبَةَ

3966- Qabishah (bin 'Uqbah as-Suwaa'i al-Kufi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan (ats-Tsauri) meriwayatkan kepada kami daripada Abi Hasyim (Yahya bin Dinar ar-Rummaani) daripada Abi Mijlaz (Laahiq bin Humaid as-Sadusi) daripada Qais bin 'Ubaad daripada Abi Zarr (Jundab bin Junaadah al-Ghifaari) r.a. katanya: "Ayat هَذَانِ خَصْمَانِ اخْتَصَمُوا فِي رَبِّهِمْ (Inilah dua golongan yang bertengkar, mereka saling bertengkar mengenai Tuhan mereka) telah turun berhubung dengan enam orang Quraisy. 'Ali, Hamzah, 'Ubaidah bin al-Haarits, Syaibah bin Rabi'ah, 'Utbah bin Rabi'ah dan al-Walid bin 'Utbah.

(mereka). (20). Dan untuk mereka cambuk-cambuk dari besi. (21). Setiap kali mereka hendak keluar dari neraka lantaran kesengsaraan mereka, niscaya mereka dikembalikan ke dalamnya. (Kepada mereka dikatakan), "Rasailah azab yang membakar ini". (22). (al-Hajj:19-22). Kepada orang-orang mu'min pula diberikan berita gembira serta pujian melalui dua ayat selepasnya. Lihatlah dua ayat berkenaan bersama-sama dengan terjemahannya di bawah ini:

إِنَّ اللَّهَ يُدْخِلُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرَى مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ يُخَلِّتُ فِيهَا مِنْ أَسَاوِرَ مِنْ ذَهَبٍ وَلُؤْلُؤًا

وَلِبَاسُهَا فِيهَا حَرِيرٌ ۖ وَهَدُودًا إِلَى الطَّيِّبِ مِنَ الْقَوْلِ وَهَدُودًا إِلَى صِرَاطٍ الْحَمِيدِ ﴿٢٤﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Allah memasukkan orang-orang beriman dan mengerjakan amal saleh ke dalam syurga-syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai. Di syurga itu mereka dihiaskan dengan gelang-gelang emas dan mutiara, dan pakaian mereka adalah sutera. (23). Dan mereka diberi petunjuk kepada ucapan-ucapan yang baik dan ditunjuki (pula) kepada jalan (Allah) yang Terpuji. (24). (al-Hajj: 23-24).

Boleh juga dikatakan ayat 19 Surah al-Hajj itu diturunkan berkenaan dengan Ahli Badar dan pada yang sama ia juga diturunkan berkenaan dengan perbantahan yang berlaku di antara orang-orang Islam dan Ahli Kitab. Bagaimanapun riwayat-riwayat yang dikemukakan oleh Bukhari di atas hanya tepat dengan pendapat yang mengatakan ia turun berkenaan dengan orang-orang yang terlibat dalam mubarazah di Badar. Secara tidak langsung ia mengisytarkan kepada pendapat yang dipilih Bukhari dan ia juga menunjukkan riwayat yang paling sahih berkenaan dengan sebab turunnya.

٣٩٦٧- حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الصَّوَّافُ حَدَّثَنَا يُوسُفُ بْنُ يَعْقُوبَ كَانَ يَنْزِلُ فِي بَنِي ضُبَيْعَةَ وَهُوَ مُوَلَّى لِبَنِي سَدُوسَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ التَّيْمِيُّ عَنْ أَبِي مِجْلَزٍ عَنْ قَيْسِ بْنِ عُبَادٍ قَالَ قَالَ عَلِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فِينَا نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ هَذَانِ خَصْمَانِ اخْتَصَمُوا فِي رَبِّهِمْ

3967- Ishaq bin Ibrahim as-Shawwaaf meriwayatkan kepada kami, katanya: Yusuf bin Ya'qub (as-Sadusi) meriwayatkan kepada kami - beliau (Yusuf bin Ya'qub) tinggal di kalangan Bani Dhubai'ah dan beliau adalah hamba bebasan Bani Sadus - katanya: Sulaiman at-Taimi meriwayatkan kepada kami daripada Abi Mijlaz daripada Qais bin 'Ubaad, katanya: Kata 'Ali r.a.: "Berkenaan dengan kamilah turun ayat ini: هَذَانِ خَصْمَانِ (Inilah dua golongan yang bertengkar, mereka saling bertengkar mengenai Tuhan mereka).

٣٩٦٨- حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ جَعْفَرٍ أَخْبَرَنَا وَكِيعٌ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ أَبِي هَاشِمٍ عَنْ أَبِي مِجْلَزٍ عَنْ قَيْسِ بْنِ عُبَادٍ سَمِعْتُ أَبَا ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يُقْسِمُ لَنَزَلَتْ هَؤُلَاءِ الْآيَاتُ فِي هَؤُلَاءِ الرَّهْطِ السَّنَةِ يَوْمَ بَدْرٍ نَحْوَهُ

3968- Yahya bin Ja'far (al-Bukhari al-Bekandi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Waki' (bin al-Jarraah ar-Ruaasi) meriwayatkan kepada kami daripada Sufyan (ats-Tsauri) daripada Abi Hasyim daripada Abi Mijlaz daripada Qais bin 'Ubaad, katanya: Aku mendengar Abu Zarr bersumpah: "Sesungguhnya ayat-ayat ini turun tentang enam orang itu pada hari Badar." Sama dengan ma'na hadits yang tersebut sebelumnya.

٣٩٦٩- حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ الدَّوْرَقِيُّ حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ أَخْبَرَنَا أَبُو هَاشِمٍ عَنْ أَبِي مِجْلَزٍ عَنْ قَيْسِ بْنِ عُبَادٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا ذَرٍّ يُقْسِمُ قَسَمًا إِنَّ هَذِهِ الْآيَةَ هَذَانِ خَصْمَانِ اخْتَصَمُوا فِي رَبِّهِمْ نَزَلَتْ فِي الَّذِينَ بَرَزُوا يَوْمَ بَدْرٍ حَمَزَةٌ وَعَلِيٌّ وَعُيَيْدَةُ بْنُ الْحَارِثِ وَعُتْبَةُ وَشَيْبَةُ ابْنَيْ رَبِيعَةَ وَالْوَلِيدُ بْنُ عُتْبَةَ

3969- Ya'qub bin Ibrahim ad-Dauraqi meriwayatkan kepada kami, katanya: Husyaim (bin Bisyr al-Waasithi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Hasyim meriwayatkan kepada kami daripada Abi Mijlaz daripada Qais bin 'Ubaad, katanya: Aku telah mendengar Abu Zarr bersumpah dengan bersungguh-sungguh bahawa ayat; هَذَانِ خَصْمَانِ (Inilah dua golongan yang bertengkar, mereka saling bertengkar mengenai

Tuhan mereka) ini telah turun berkenaan dengan orang-orang yang tampil untuk bertarung di Badar secara satu lawan satu. Mereka ialah Hamzah, 'Ali, 'Ubaidah bin al-Haarits, 'Utbah dan Syaibah bin Rabi'ah dan al-Walid bin 'Utbah.⁵⁹

٣٩٧٠ - حَدَّثَنِي أَحْمَدُ بْنُ سَعِيدٍ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ مَنْصُورٍ السُّلَوِيُّ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ يُوسُفَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ سَأَلَ رَجُلٌ الْبَرَاءَ وَأَنَا أَسْمَعُ قَالَ أَشْهَدَ عَلَيَّ بَدْرًا قَالَ بَارَزَ وَظَاهَرَ

3970 - Ahmad bin Sa'id, Abu 'Abdillah (al-Asyqar) meriwayatkan kepada saya, katanya: Ishaq bin Manshur as-Saluli meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibrahim bin Yusuf (bin Ishaq bin Abi Ishaq) meriwayatkan daripada ayahnya (Yusuf) daripada (datuknya) Abi Ishaq (bin 'Amar bin 'Abdillah as-Sabi'i), (katanya): "Ada seorang lelaki bertanya al-Baraa' (bin 'Aazib r.a.), saya pula mendengar. Kata orang itu: "Adakah 'Ali ikut serta dalam peperangan Badar?". Jawab Baraa': "Bahkan beliau ('Ali) telah tampil untuk bertarung (di Badar) secara satu lawan satu dan telah menang pun (dalam pertarungan itu)."⁶⁰

⁵⁹ Hadits-hadits 3965 - 3969 menunjukkan keistimewaan dan kelebihan orang-orang yang terpilih untuk bermubarazah di kalangan para sahabat yang ikut serta dalam peperangan Badar. Ia juga serentak dengan itu menunjukkan kecelakaan dan terkutuknya orang-orang yang tampil untuk bermubarazah di kalangan kafir Quraisy. Keistimewaan dan kelebihan atau kecelakaan dan keterukan orang-orang berkenaan dapat dilihat pada ayat-ayat al-Qur'an yang turun mengenai mereka. Untuk itu lihat saja nota:58 yang lalu.

⁶⁰ Ini adalah terjemahan yang dipilih penulis untuk perkataan ظاهر. Sesetengah 'ulama' berpendapat ظاهر itu bererti memakai dua lapis baju besi. Jadi maksud Baraa' ialah bukan sekadar ikut serta malah 'Ali telah tampil bermubarazah dengan memakai dua lapis baju besi sebagai tanda seorang yang betul-betul hendak berperang. Mungkin orang yang bertanya tidak tahu umur 'Ali ketika berlaku perang Badar. Mungkin juga ada pihak yang tidak puas hati dengan 'Ali cuba memburuk-burukkan dan merendah-rendahkan beliau dengan menyebarkan berita palsu bahawa beliau tidak ikut serta dalam peperangan Badar. Jawapan Baraa' seperti tersebut di dalam riwayat ini tentunya mengecewakan pemfitnah dan dapat menghapuskan berita palsu yang tersebar itu. Riwayat al-Baraa' terbilang sebagai maraasil sahabat. Kerana al-Baraa' tidak turut serta dalam peperangan Badar. Kiranya tentulah beliau mendengar apa yang berlaku di Badar daripada sahabat yang menyertai peperangan itu. Atau mungkin juga beliau mendengarnya daripada Rasulullah s.a.w. sendiri.

٣٩٧١ - حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي يُونُسُ بْنُ الْمَاجِشُونِ عَنْ صَالِحِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ

عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ كَاتَبْتُ أُمِّيَّةَ بْنَ خَلْفٍ فَلَمَّا كَانَ يَوْمَ بَدْرٍ فَذَكَرَ قَتْلَهُ وَقَتْلَ ابْنِهِ فَقَالَ بَلَالٌ لَا تَجُوتُ إِنَّ

نَجَا أُمِّيَّةَ

3971 - 'Abdul 'Aziz bin 'Abdillah (al-Uwaisi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yusuf bin al-Majisyun meriwayatkan kepada saya daripada Saleh bin Ibrahim bin 'Abdir Rahman bin 'Auf daripada ayahnya daripada datuknya 'Abdir Rahman, katanya: "Aku berutusan surat dengan Umaiyah bin Khalaf (setelah berhijrah ke Madinah).⁶¹ Pada hari

⁶¹ Di bawah حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي يُونُسُ بْنُ الْمَاجِشُونِ عَنْ صَالِحِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَاتَبْتُ أُمِّيَّةَ بْنَ خَلْفٍ كِتَابًا بَأَنِّي يَحْفَظُنِي فِي صَاعِيَّتِي بِمَكَّةَ وَأَحْفَظُهُ فِي صَاعِيَّتِي بِالْمَدِينَةِ فَلَمَّا ذَكَرْتُ الرَّحْمَنَ قَالَ لَا أَعْرِفُ الرَّحْمَنَ كَاتِبِنِي بِاسْمِكَ الَّذِي كَانَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَكَاتَبْتُهُ عَبْدٌ عَمَرُو فَلَمَّا كَانَ فِي يَوْمِ بَدْرٍ خَرَجْتُ إِلَى جَبَلٍ لِأُخْرِزَهُ حِينَ نَامَ النَّاسُ فَأَبْصَرَهُ بَلَالٌ فَخَرَجَ حَتَّى وَقَفَ عَلَى مَجْلِسٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فَقَالَ أُمِّيَّةُ بْنُ خَلْفٍ لَا تَجُوتُ إِنَّ نَجَا أُمِّيَّةَ فَخَرَجَ مَعَهُ قَرِيبٌ مِنَ الْأَنْصَارِ فِي أَثَارِنَا فَلَمَّا خَشِيتُ أَنْ يُلْحَقُونَا خَلَفْتُ لَهُمْ ابْنَهُ لِأَشْغَلَهُمْ فَقَتَلُوهُ ثُمَّ أَبَوْا حَتَّى يَنْبَعُونَا وَكَانَ رَجُلًا ثَقِيلًا فَلَمَّا أَدْرَكُونَا قُلْتُ لَهُ ابْرُكْ فَبَرَكَ فَأَلْقَيْتُ عَلَيْهِ نَفْسِي لِأَمْنَعَهُ فَتَخَلَّلُوهُ بِالسُّيُوفِ مِنْ تَحْتِي حَتَّى قَتَلُوهُ وَأَصَابَ أَحَدُهُمْ رَجُلِي بِسَيْفِهِ وَكَانَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ يُرِينَا ذَلِكَ الْأَثَرُ فِي ظَهْرِ قَدَمِهِ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ سَمِعْتُ يُونُسَ صَالِحًا وَإِبْرَاهِيمَ أَبَاهُ

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنِي يُونُسُ بْنُ الْمَاجِشُونِ عَنْ صَالِحِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كَاتَبْتُ أُمِّيَّةَ بْنَ خَلْفٍ كِتَابًا بَأَنِّي يَحْفَظُنِي فِي صَاعِيَّتِي بِمَكَّةَ وَأَحْفَظُهُ فِي صَاعِيَّتِي بِالْمَدِينَةِ فَلَمَّا ذَكَرْتُ الرَّحْمَنَ قَالَ لَا أَعْرِفُ الرَّحْمَنَ كَاتِبِنِي بِاسْمِكَ الَّذِي كَانَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَكَاتَبْتُهُ عَبْدٌ عَمَرُو فَلَمَّا كَانَ فِي يَوْمِ بَدْرٍ خَرَجْتُ إِلَى جَبَلٍ لِأُخْرِزَهُ حِينَ نَامَ النَّاسُ فَأَبْصَرَهُ بَلَالٌ فَخَرَجَ حَتَّى وَقَفَ عَلَى مَجْلِسٍ مِنَ الْأَنْصَارِ فَقَالَ أُمِّيَّةُ بْنُ خَلْفٍ لَا تَجُوتُ إِنَّ نَجَا أُمِّيَّةَ فَخَرَجَ مَعَهُ قَرِيبٌ مِنَ الْأَنْصَارِ فِي أَثَارِنَا فَلَمَّا خَشِيتُ أَنْ يُلْحَقُونَا خَلَفْتُ لَهُمْ ابْنَهُ لِأَشْغَلَهُمْ فَقَتَلُوهُ ثُمَّ أَبَوْا حَتَّى يَنْبَعُونَا وَكَانَ رَجُلًا ثَقِيلًا فَلَمَّا أَدْرَكُونَا قُلْتُ لَهُ ابْرُكْ فَبَرَكَ فَأَلْقَيْتُ عَلَيْهِ نَفْسِي لِأَمْنَعَهُ فَتَخَلَّلُوهُ بِالسُّيُوفِ مِنْ تَحْتِي حَتَّى قَتَلُوهُ وَأَصَابَ أَحَدُهُمْ رَجُلِي بِسَيْفِهِ وَكَانَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ عَوْفٍ يُرِينَا ذَلِكَ الْأَثَرُ فِي ظَهْرِ قَدَمِهِ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ سَمِعْتُ يُونُسَ صَالِحًا وَإِبْرَاهِيمَ أَبَاهُ

Bermaksud: kata 'Abur Rahman bin 'Auf r.a.: "Aku berutusan surat dengan Umaiyah bin Khalaf, di mana kami saling berjanji untuk menjaga kepentingan satu sama lain. Dia berjanji akan menjaga ahli keluarga dan harta bendaku (kepentinganku) di Mekah dan aku pula berjanji untuk menjaga sanak saudara dan orang-orang yang rapat dengannya (kepentingannya) di Madinah. Apabila aku menyebut (menulis) ar-Rahman ('Abdur ar-Rahman), dia berkata: "Aku tidak tahu ar-Rahman. Tulislah dengan mengguna namamu semasa jahiliah. Maka aku menggunakan namaku 'Abdu 'Amar (dalam surat-menyurat dengannya). Pada hari hendak berlaku perang Badar, ketika orang-orang sedang tidur, aku keluar ke sebuah bukit untuk melindunginya (menyelamatkannya). Tiba-tiba Bilal ternampak dia. Teruslah Bilal pergi ke tempat perhimpunan orang-orang Anshar, lalu dia berkata dengan suara yang kuat: "Umaiyah bin Khalaf! Tidak selamat aku kalau dia selamat!". Maka keluarlah bersamanya untuk menjejaki kami sekumpulan orang-orang Anshar. Bila aku berasa bimbang mereka akan sampai kepada kami, aku tinggalkan anak Umaiyah (yang bernama 'Ali) untuk menyibukkan mereka. Tetapi mereka berjaya

peperangan Badar, lalu beliau ('Abdur Rahman) bercerita tentang perihai terbunuhnya Umaiyyah dan anaknya ('Ali dalam peperangan itu). Maka berkatalah Bilal (setelah beliau ternampak Umaiyyah di Badar): "Tidak selamat aku kalau (hari ini) selamat Umaiyyah!".⁶²

٣٩٧٢ - حَدَّثَنَا عَبْدَانُ بْنُ عُثْمَانَ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبِي عَنْ شُعْبَةَ عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ عَنِ الْأَسْوَدِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَرَأَ وَالنَّجْمَ فَسَجَدَ بِهَا وَسَجَدَ مَنْ مَعَهُ غَيْرَ أَنَّ شَيْخًا أَخَذَ كَفًّا مِنْ تُرَابٍ فَرَفَعَهُ إِلَى جَبْهَتِهِ فَقَالَ يَكْفِينِي هَذَا قَالَ عَبْدُ اللَّهِ فَلَقَدْ رَأَيْتُهُ بَعْدَ قُتْلِ كَافِرًا

3972 - 'Abdaan bin 'Utsman meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku ('Utsman bin Jabalah al-Marwazi) telah meriwayatkan kepadaku daripada Syu'bah (bn al-Hajjaaj) daripada Abi Ishaq ('Amar bin 'Abdillah as-Sabi'i) daripada al-Aswad (bin Yazid an-Nakha'i) daripada 'Abdillah (Mas'ud) r.a. tentang nabi s.a.w. bahawa pernah baginda membaca (Surah) وَالنَّجْمَ, lalu bersujud. Maka bersujudlah juga orang-orang yang berada di situ kecuali seorang syeikh. Dia (hanya) mengambil segenggam tanah dan

membunuh anak Umaiyyah itu. Kemudian mereka terus mengekori kami. Umaiyyah seorang yang berbadan berat (gemuk). Apabila mereka sudah betul-betul sampai kepada kami, aku berkata kepadanya: "Duduklah engkau!". Maka duduklah dia. Aku pula cuba melindunginya dengan tubuhku. Mereka mencari-cari ruang di bawah tubuhku untuk menikamnya dengan pedang dan akhirnya mereka berjaya membunuhnya. Pedang salah seorang dari mereka (dengan tidak disengajakan) telah mengenai kakiku. 'Abdur Rahman sering kali menunjukkan kepada kami kesan terkena pedang itu di kura kakinya." Kata Abu 'Abdillah (Imam Bukhari): "Yusuf memang (terbukti) telah mendengar (hadits) daripada Shaleh dan Ibrahim juga memang (terbukti) telah mendengar (hadits) daripada ayahnya ('Abdur Rahman bin 'Auf)." Terjemahan bahagian yang bergaris di bawahnya telah penulis padankan dengan riwayat al-Isma'ili, di mana beliau meriwayatkan begini: عاهدت أمية بن خلف وكتابتة. (Lihat Fathul Baari j.4 m/s 605).

⁶² Untuk mengetahui kenapa Bilal beria-ia benar hendak menangkap dan membunuh Umaiyyah sila lihat nota: 18 di bawah بَابُ ذِكْرِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ يُقْتَلُ بِبَدْرٍ (Bab Cerita Nabi S.A.W. Tentang Orang-Orang Yang Akan Terbunuh Di Badar). Hadits ini nampaknya sesuai sangat dengan tajuk bab yang dibuat Bukhari di atas apabila diambil kira tambahan وغيره yang disebut oleh al-'Aini terdapat di dalam sesetengah nuskah Sahih Bukhari. Kerana Umaiyyah juga termasuk dalam kumpulan orang yang terbunuh di Badar seperti Abu Jahal.

mengangkatnya ke dahi sambil berkata: “Ini sudah memadai untukku”.⁶³ Kata ‘Abdullah: “Saya melihat dia kemudiannya terbunuh sebagai seorang kafir.”⁶⁴

٣٩٧٣- أَخْبَرَنِي إِبرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ يُوسُفَ عَنْ مَعْمَرٍ أَخْبَرَنَا هِشَامٌ عَنْ عُرْوَةَ قَالَ كَانَ فِي الزُّبَيْرِ ثَلَاثُ ضَرْبَاتٍ بِالسَّيْفِ إِحْدَاهُنَّ فِي عَاتِقِهِ قَالَ إِنْ كُنْتُ لَأَدْخِلُ أَصَابِعِي فِيهَا قَالَ ضُرِبَ نِثْنَيْنِ يَوْمَ بَدْرٍ وَوَاحِدَةً يَوْمَ الْيَوْمُوكِ قَالَ عُرْوَةُ وَقَالَ لِي عَبْدُ الْمَلِكِ بْنُ مَرْوَانَ حِينَ قُتِلَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ يَا عُرْوَةُ هَلْ تَعْرِفُ سَيْفَ الزُّبَيْرِ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ فَمَا فِيهِ قُلْتُ فِيهِ قَلَّةٌ فَلَهَا يَوْمَ بَدْرٍ قَالَ صَدَقْتَ هِنَّ فُلُولٌ مِنْ قِرَاعِ الْكُتَائِبِ ثُمَّ رَدَّهُ عَلَى عُرْوَةَ قَالَ هِشَامٌ فَأَقَمْنَاهُ بَيْنَنَا ثَلَاثَةَ آلَافٍ وَأَخَذَهُ بَعْضُنَا وَلَوَدِدْتُ أَنِّي كُنْتُ أَخَذْتُهُ

3973- Ibrahim bin Musa (al-Farraa' ar-Raazi) meriwayatkan kepadaku, katanya: Hisyam bin Yusuf (Qadhi Shan'aa') meriwayatkan kepada kami daripada Ma'mar (bin Rasyid), katanya: Hisyam meriwayatkan kepada kami daripada 'Urwah (bin az-Zubair), katanya: “Pada Zubair ada tiga (kesan atau parut) tetakan dengan pedang. Satu daripadanya di pundaknya.”⁶⁵ Kata 'Urwah: “Dahulu (semasa kecil) aku selalu memasukkan jari jemariku ke dalamnya.”⁶⁶ Kata beliau ('Urwah lagi): “Beliau (az-Zubair) terkena dua tetakan pada hari Badar dan satu lagi pada hari Yarmuk.”⁶⁷ Kata 'Urwah (seterusnya): “‘Abdul Malik

⁶³ Syeikh yang tidak ikut bersujud bersama-sama orang-orang lain dan hanya berpada dengan mengangkat segenggam tanah ke dahinya dalam peristiwa ini ialah Umaiyyah bin Khalaf. Hadits ini juga cukup sesuai dengan tajuk bab di atas. Kerana ia juga ada kaitan dengan orang yang terbunuh di Badar seperti Abu Jahal. Soal kenapakah orang-orang yang ada di situ, termasuk orang-orang kafir turut bersujud bersama-sama Nabi s.a.w., maka tempat yang sesuai untuk membincangkannya ialah di bawah bab sujud tilawah.

⁶⁴ Hadits ini telah berlalu di bawah باب سجدة النجم.

⁶⁵ Berdasarkan hadits 3721 riwayat 'Abdullah bin al-Mubaarak daripada Hisyam di bawah Manaaqib az-Zubair dan hadits 3975 nanti, juga riwayat 'Abdullah bin al-Mubaarak daripada Hisyam, ketiga-tiga kesan tetakan adalah di pangkal tengkuknya bukan satu saja daripadanya seperti yang tersebut di dalam riwayat Ma'mar daripada Hisyam ini.

⁶⁶ Berdasarkan riwayat Abi Zarr daripada al-Kusymayhani, di sini tersebut فيها bukan فيها.

⁶⁷ Ketiga-tiga tetakan itu mengenai bahagian di antara pangkal tengkuk dan bahu az-Zubair r.a. Untuk perbandingan lihat juga riwayat-riwayat seterusnya. **Yarmuk adalah satu tempat** yang terletak di antara Azri'aat dan Dimasyq. Di dalam peta hari ini ia terletak di sebelah timur Jordan. Di situ pernah berlaku satu peperangan besar di antara orang-orang Islam dan Kristian. Peperangan berlaku pada tahun 15H di zaman pemerintahan Saiyyidina 'Umar r.a. Tentera Islam dipimpin oleh sahabat Nabi s.a.w. yang terkenal Abu 'Ubaidah bin al-Jarraah. Sementara tentera

bin Marwaan⁶⁸ pernah bertanya kepadaku setelah 'Abdullah bin az-Zubair terbunuh:⁶⁹ "Wahai 'Urwah! Kamu kenalkah pedang az-Zubair?" Aku menjawab: "Ya." Tanya beliau (lagi): "Apa tandanya?" Aku menjawab: "Ia telah sumbing (kerana digunakan) pada hari Badar."⁷⁰ Kata 'Abdul Malik: "Benar katamu. Ia sumbing pada beberapa tempat kerana banyak menetak tentera (musuh)."⁷¹ Kemudian 'Abdul Malik mengembalikan

Kristian pula dipimpin oleh penglima mereka bernama Bahan. Dalam peperangan Yarmuk seramai 70 ribu orang tentera di pihak Kristian telah terbunuh dan 40 ribu yang lain pula tertawan. Seramai 4 ribu orang di pihak tentera Islam juga terbunuh. Peperangan Yarmuk dihadhiri oleh seratus orang sahabat yang telah ikut serta dalam peperangan Badar.

⁶⁸ 'Abdul Malik bin Marwaan adalah khalifah kelima Bani Umayyah. Dilahirkan pada tahun 26H dan meninggal dunia pada tahun 86H. Mulai memegang jawatan khalifah sepeninggalan ayahandanya pada tahun 65H. Beliau membesar di Madinah dan terkenal sebagai seorang faqih yang luas ilmunya dan terkenal juga sebagai seorang yang suka beribadat. 'Abdul Malik bin Marwaan adalah seorang khalifah yang bijaksana dan berpandangan jauh.

⁶⁹ 'Abdullah bin az-Zubair dilahirkan pada tahun 1H dan meninggal dunia pada tahun 73H. Beliau merupakan anak Muhajirin yang mula-mula sekali dilahirkan selepas hijrah Nabi s.a.w. ke Madinah. 'Abdullah bin az-Zubair dibai'ahkan sebagai khalifah pada tahun 64H di zaman pemerintahan Marwaan bin al-Hakam selepas kematian Khalifah Yazid bin Mu'aawiah. Walaupun 'Abdullah bin az-Zubair terbilang antara sahabat kecil, namun beliau terkenal sebagai salah seorang ahli ilmu, pemberani dan ahli ibadat. Beliau terbunuh dalam serangan al-Hajjaaj bin Yusuf ats-Tsaqafi ke atas Mekah pada bulan Jumadal uula tahun 73H di zaman pemerintahan 'Abdul Malik bin Marwaan. Setelah mengalahkan 'Abdullah bin az-Zubair dan pengikut-pengikutnya di Mekah, al-Hajjaaj merampas apa-apa yang ada pada Ibnu az-Zubair. Termasuklah dalam barang-barang yang dirampas itu pedang az-Zubair yang diwarisi anaknya 'Abdullah bin az-Zubair. Lalu dihantarnya pedang itu kepada Khalifah 'Abdul Malik bin Marwaan yang berada di Syam.

⁷⁰ Beberapa lama selepas terbunuhnya 'Abdullah bin az-Zubair, 'Urwah bin az-Zubair iaitu saudara kepada 'Abdullah bin az-Zubair pergi menemui Khalifah 'Abdul Malik bin Marwaan di Syam. Dalam pertemuannya dengan Khalifah itulah berlaku dialog yang tersebut di dalam hadits di atas. Pada kesempatan itulah juga Khalifah 'Abdul Malik bin Marwaan mengembalikan pedang az-Zubair kepada 'Urwah.

⁷¹ Kata-kata 'Abdul Malik bahawa: *بِهِنَّ فُلُودٌ مِنْ قِرَاعِ الْكُتَائِبِ* (Ia sumbing pada beberapa tempat kerana banyak menetak tentera musuh atau kerana banyak digunakan dalam peperangan), sebenarnya merupakan bahagian kedua daripada satu rangkap sya'ir yang diungkapkan oleh penyair 'Arab Jahiliyah terkenal, an-Naabighah az-Zubyaani (Ziad bin Mu'aawiah bin Dhabaab al-Ghathafaani al-Mudhari. Meninggal sekitar tahun 18 sebelum Hijrah atau sekitar tahun 604 Masihi). Dalam istilah ilmu Badi' (satu bahagian daripada ilmu Balaghah) petikan seperti ini dipanggil 'Iqtibaas'. Di bawah ini dikemukakan sya'ir an-Naabighah az-Zubyaani berkenaan selengkapnya:

وَلَا عَيْبَ فِيهِمْ غَيْرَ أَنَّ سَيُوفَهُمْ * بِهِنَّ فُلُودٌ مِنْ قِرَاعِ الْكُتَائِبِ

pedang itu kepada 'Urwah. Kata Hisyam: "Kami mentaksirkan harganya tiga ribu (dirham). Ia diambil (dibeli) oleh salah seorang daripada kami.⁷² Suka sangat aku kalau dahulu akulah yang mengambilnya (membelinya).⁷³

٣٩٧٤ - حَدَّثَنَا قُرُوهٌ حَدَّثَنَا عَلِيُّ عَنْ هِشَامٍ عَنْ أَبِيهِ قَالَ كَانَ سَيْفُ الزُّبَيْرِ بْنِ الْعَوَّامِ مُحَلَّى بِفِضَّةٍ قَالَ هِشَامٌ وَكَانَ سَيْفُ عُرْوَةَ مُحَلَّى بِفِضَّةٍ

3974- Farwah (bin Abi al-Maghraa' al-Kindi al-Kufi) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Ali (bin Mushir) meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam daripada ayahnya ('Urwah), katanya ('Urwah): "Pedang az-Zubair bin al-'Awwaam dihiasi dengan perak." (Dengan sanad yang sama) Kata Hisyam (lagi): "Pedang 'Urwah (juga) dihiasi dengan perak."⁷⁴

Bermaksud: Tidak ada apa-apa cacat cela pada mereka. Cuma pedang-pedang mereka saja sumbing pada beberapa tempat kerana banyak digunakan dalam peperangan.

Di dalam sya'ir an-Naabighah ini juga terdapat satu bentuk seni ilmu Balaghah yang dikenali sebagai *المدح بما يشبه الذم* atau puji dalam bentuk cela. Kerana sumbing pada pedang merupakan satu kekurangan dan kecacatan yang nyata, tetapi jika dilihat kepada sebab ia sumbing, niscaya ia menunjukkan tuannya adalah seorang yang telah banyak kali terlibat dalam peperangan. Dan ia secara tidak langsung menunjukkan keberanian dan kehandalan tuannya.

⁷² Maksud kata Hisyam ialah setelah 'Urwah meninggal dunia pedang itu ditaksirkan berharga tiga ribu dirham. Maksud kata beliau "Ia diambil (dibeli) oleh salah seorang daripada kami" pula ialah ia dibeli oleh 'Utsman bin 'Urwah bin az-Zubair. 'Utsman sebenarnya adalah adik Hisyam sendiri. Tetapi beliau meninggal dunia sebelum Hisyam. 'Utsman adalah seorang perawi alim dan tsiqah. Bukhari dan Muslim ada meriwayatkan hadits beliau di dalam Kitab Sahih masing-masing.

⁷³ Kesesuaian hadits ini dengan bab 8 di atas iaitu *بَابُ قَتْلِ أَبِي جَهْلٍ* jelas sekali, jika diambil kira tambahan perkataan *وغيره* yang terdapat di dalam sesetengah nuskah Sahih Bukhari seperti kata al-Hafiz al-'Aini. Tanpa adanya tambahan itu anda tidak akan nampak apa-apa kesesuaian di antara hadits ini dengan tajuk bab berkenaan. Untuk lebih jelas, lihat kembali nota no:44 yang lalu. Kata 'Urwah: *فَلَهُ فَلَّهٌ فَلَهَا يَوْمَ بَدْرٍ* di dalam hadits di atas, jelas menunjukkan penyertaan az-Zubair dalam peperangan Badar.

⁷⁴ Mungkin sekali pedang 'Urwah yang dikatakan Hisyam dihiasi dengan perak itu tidak lain melainkan pedang az-Zubair tersebut itu juga sebenarnya. Pedang pada kebiasaannya dihiasi di bahagian hulu atau pemegangnya. Atsar ini menunjukkan alat-alat senjata seperti pedang dan lain-lain boleh dihiasi dengan logam-logam berharga seperti perak dan sebagainya.

٣٩٧٥- حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ أَخْبَرَنَا هِشَامُ بْنُ عُزْرَةَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا لِلزُّبَيْرِ يَوْمَ الْيَرْمُوكِ أَلَا تَشُدُّ فَتَشُدُّ مَعَكَ فَقَالَ إِنِّي إِنْ شَدَدْتُ كَذَبْتُمْ فَقَالُوا لَا نَفْعُ فَحَمَلَ عَلَيْهِمْ حَتَّى شَقَّ صُفُوفَهُمْ فَجَاوَزَهُمْ وَمَا مَعَهُ أَحَدٌ ثُمَّ رَجَعَ مُقْبِلًا فَأَخَذُوا بِلِحَامِهِ فَضَرَبُوهُ ضَرْبَتَيْنِ عَلَى عَاتِقِهِ بَيْنَهُمَا ضَرْبَةٌ ضَرَبَهَا يَوْمَ بَدْرٍ قَالَ عُزْرَةُ كُنْتُ أُدْخِلُ أَصَابِعِي فِي تِلْكَ الضَّرَبَاتِ اللَّعْبِ وَأَنَا صَغِيرٌ قَالَ عُزْرَةُ وَكَانَ مَعَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ يَوْمَئِذٍ وَهُوَ ابْنُ عَشْرِ سِنِينَ فَحَمَلَهُ عَلَى فَرَسٍ وَوَكَّلَ بِهِ رَجُلًا

3975- Ahmad bin Muhammad⁷⁵ meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah (bin al-Mubaarak al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam bin 'Urwah meriwayatkan kepada kami daripada ayahnya ('Urwah), bahawa ada beberapa orang sahabat Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada az-Zubair pada hari (berlakunya perang di) Yarmuk: "Kalau engkau serbu (pihak musuh), kami akan serbu bersamamu." Kata az-Zubair: "Kalau aku betul-betul menyerbu mereka, nanti kamu mungkir."⁷⁶ Kata mereka: "Tidak, kami tidak akan mungkir." Lalu az-Zubair menyerbu sehingga membelah saf-saf mereka dan melepasi mereka. Tidak ada siapa pun (turut menyerbu) bersamanya pada ketika itu. Kemudian beliau berpatah balik. Mereka (pihak musuh) melepaskan dua tetakan di pundaknya setelah memegang tali kekang (kendali) kudanya. Di antara dua tetakan itu sudah sedia ada satu kesan (parut) tetakan yang diperolehi beliau pada hari Badar.⁷⁷ Kata 'Urwah: "Aku dahulu semasa kecil, selalu bermain-main dengan

⁷⁵ Para ulama Rijaal Hadits berbeda pendapat tentang Ahmad bin Muhammad, guru Bukhari ini. Kata ad-Daaraquthni, beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Tsabit yang dikenali dengan Ibnu Syabbawaih. Al-Haakim Abu 'Abdillah dan Abu Nashr al-Kalaabazi pula berkata, beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Musa Abu al-'Abbaas al-Marwazi yang dikenali dengan Mardawaih. Al-Kalaabazi cuma menambahkan as-Simsaar (sebagai salah satu sifatnya). Al-Mizzi, al-'Aini dan lain-lain mentarjihkan pendapat kedua. Beliaulah yang dimaksudkan di sini.

⁷⁶ Kamu mungkir adalah terjemahan yang dipilih penulis untuk perkataan كَذَبْتُمْ. Perkataan كَذَبَ dalam bahasa 'Arab umum dan hadits-hadits Nabi s.a.w. selalunya dipakai dengan erti berdusta. Namun begitu kadang-kadang ia juga dipakai dengan erti mungkir, tersalah, tidak tepat, menyalahi kenyataan dan lain-lain. Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Orang-orang Hijaz menggunakan perkataan كَذَبَ dengan erti sesuatu berita atau cerita yang tidak menepati kenyataan." Al-'Aini dan al-Qasthallaani juga mentafsirkan perkataan كَذَبْتُمْ di sini dengan أَخْلَفْتُمْ (kamu mungkir).

⁷⁷ Di sini timbul kemusykilan tentang bilangan tetakan yang sebenarnya. Berdasarkan riwayat 'Abdullah bin al-Mubaarak daripada Hisyam ini, ada tiga kesan (parut) tetakan di pundak az-Zubair. Dua daripadanya diperolehi Zubair pada hari Yarmuk dan satu daripadanya pada hari